

NASIHAT LUQMAN AL-HAKIM: BERBUAT BAIK KEPADA IBU BAPA

LUQMAN AL-HAKIM'S ADVICE: BE KIND TO PARENTS

Dr. Suhanim binti Abdullah .

Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

(Email: hanimsu@yahoo.com)

Article history

Received date : 18-6-2025

Revised date : 19-6-2025

Accepted date : 1-10-2025

Published date : 9-10-2025

To cite this document:

Abdullah, S. (2025). Nasihat Luqman al-Hakim: Berbuat baik kepada ibu bapa. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (76), 863 -876.

Abstrak: *Luqman al-Hakim merupakan seorang soleh yang dikurniakan hikmah dan kebijaksanaan oleh Allah. Beliau banyak memberi nasihat kepada anaknya dan hal ini dirakamkan oleh al-Quran dalam Surah Luqman. Kertas kerja ini membincangkan nasihat Luqman al-Hakim iaitu berbuat baik kepada ibu bapa. Berbuat baik kepada ibu bapa merangkumi perbincangan mengenai keutamaan ketaatan kepada ibu berbanding bapa, ketaatan kepada ibu bapa mesti berlandaskan ketaatan kepada Allah SWT, hukum menghormati ibu bapa kafir dan bersyukur kepada ibu bapa. Perkara ini tercatat pada ayat 14 dan 15 dalam Surah Luqman. Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah dokumentasi. Analisis data dibuat menerusi kaedah induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa Luqman menasihati anaknya berbuat baik kepada ibu bapa terutamanya apabila keduanya sudah tua. Seterusnya, Luqman memberi peringatan kepada anaknya agar mentaati ibu bapa selagi mana perkara tersebut tidak bercanggah dengan perintah Allah.*

Kata kunci: *Luqman al-Hakim, taat, ibu bapa tua, ibu bapa kafir, syukur kepada ibu bapa,*

Abstract: *Luqman al-Hakim was a righteous man who was blessed with wisdom and knowledge by Allah. He gave his son a lot of advice and this was recorded by the Quran in Surah Luqman. This paper discusses Luqman al-Hakim's advice, namely, to be good to parents. Being good to parents includes a discussion on the priority of obedience to mother over father, obedience to parents must be based on obedience to Allah SWT, the rule of respecting non-Muslim parents and being grateful to parents. This matter is recorded in verses 14 and 15 in Surah Luqman. Data collection was done through the documentation method. Data analysis was done through inductive, deductive and comparative methods. The results of the study found that Luqman advised his son to be good to his parents especially when they were old. Next, Luqman warned his son to obey his parents as long as the matter did not contradict the command of Allah.*

Keywords: *Luqman al-Hakim, obedience, old parents, non-muslim parents, gratitude to parents.*

Pengenalan

Pendidikan pertama yang diberi penekanan oleh Luqman al-Hakim ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa seperti perintah Allah dalam ayat 14.

Terjemahan:

Dan Kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada kedua ibu bapa...

Ayat tersebut merupakan perintah Allah kepada semua orang Islam supaya menunaikan kewajipan mereka kepada kedua ibu bapa. Perintah tersebut bersifat umum yang merangkumi perintah berbuat baik kepada ibu bapa yang beragama Islam dan kafir (al-Saiyyas, 1994). Islam menuntut semua penganutnya melaksanakan tanggungjawab kepada ibu bapa walau apa agama yang dianuti oleh ibu bapa.

Kehadiran ayat ini juga merupakan satu pujian daripada Allah SWT terhadap nasihat Luqman al-Hakim. Perkara ini merupakan pujian secara *balaghah* yang menepati kedudukan yang sangat cantik (al-Saiyyas, 1994). Hal ini merupakan pengiktirafan yang tertinggi daripada Allah SWT dan merupakan satu peringatan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua ibu bapa (Abd al-Mun'aim, 1995).

Pengorbanan ibu bapa adalah terlalu besar sehingga mendapat pengiktirafan daripada Allah SWT. Ibu bapa sentiasa bersabar menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha membesarkan dan memberi pendidikan kepada anak-anak. Selain itu, mereka juga sangat ikhlas dalam mendidik anak-anak agar menjadi manusia yang berguna. Justeru, Luqman al-Hakim berpesan kepada anaknya agar menghormati teguran ibu bapa. Beliau berkata:

Terjemahan:

*“Wahai anakku. Seandainya ibu bapa marah kerana kesilapan yang dilakukan,
maka marahnya umpama baja yang dapat menyuburkan tanaman.”*

(al-Suyuti, 1987).

Pengiktirafan Allah SWT terhadap pengorbanan ibu bapa terbukti melalui ayat al-Quran. Hal ini kerana terdapat banyak ayat al-Quran yang menggandingkan perintah berbuat baik kepada ibu bapa dengan perintah tauhid kepada Allah. Antaranya ialah Surah al-Nisa'(4:36):

Terjemahan:

Sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu memperseketukanNya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan jauh, teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahaya.

Imam al-Ghazali berpendapat sekiranya Allah SWT tidak menyebut dalam al-Quran tentang kewajipan berbuat baik kepada kedua ibu bapa, namun penghormatan tersebut boleh difahami dengan akal yang waras dan sihat. Perintah berbuat baik kepada ibu bapa termaktub dalam kitab Taurat, Zabur, Injil dan al-Quran. Allah SWT juga mengakui bahawa keredaan Allah akan diperolehi apabila mendapat keredaan ibu bapa. Sebaliknya, kemarahan ibu bapa merupakan punca kemarahan Allah SWT (al-Samarqandi, 1990). Derhaka kepada kedua ibu bapa termasuk dalam dosa besar. Rasulullah SAW bersabda;

Terjemahan:

Rasulullah SAW ditanya tentang dosa-dosa besar. Maka baginda menjawab: Syirik kepada Allah SWT, membunuh diri dan derhaka terhadap kedua ibu bapa.

(Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, Bab Uquq al-Walidain min al-Kabair)

Permasalahan Kajian

Kepatuhan kepada kedua ibu bapa merupakan salah satu kewajipan utama dalam usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sebaliknya perbuatan derhaka kepada kedua ibu bapa merupakan satu dosa besar. Berbuat baik kepada ibu bapa akan meninggalkan kesan yang baik dalam kehidupan seorang manusia di dunia dan akhirat (al-Samarqandi, 1980). Suffiyan bin Uyainah berkata, “Sesiapa yang menunaikan solat lima kali sehari semalam, sesungguhnya dia adalah seorang yang bersyukur kepada Allah. Sesiapa yang mendoakan kebaikan kepada kedua ibu bapa, maka dia adalah seorang yang bersyukur kepada kedua ibu bapa (al-Zuhaili, 1991). Berbuat baik kepada kedua ibu bapa merupakan lambang seorang yang memiliki maruah yang sempurna. Fudail bin 'Iyyad berkata: “Maruah yang sempurna ialah berbuat baik kepada kedua ibu bapa”. Ahli tasawuf malarang derhaka kepada kedua ibu bapa kerana perbuatan tersebut menyebabkan ibu bapa tidak mendapat kegembiraan daripada anak-anak dan hilanglah kemanisan hidup (al-Samarqandi, 1980).

Kasih sayang seorang anak dapat dilihat terutamanya apabila ibu bapa telah lanjut usia. Seorang anak yang baik akan berusaha melakukan perkara yang direstui dan mampu membawa kebahagiaan kepada kedua ibu bapa. Mereka tidak membiarkan kedua ibu bapa berada dalam kesusahan dan penderitaan. Seterusnya, mereka sentiasa berdoa agar kedua ibu bapa dirahmati Allah SWT. Doa ini tercatat dalam Surah al-Isra' (17:24):

Terjemahan:

Tuhanku. Kasihanilah kedua ibu bapaku seperti keduanya telah mendidik aku semasa kecil.

Namun realiti hidup kini, isu ibu bapa yang diabaikan oleh anak-anak semakin membimbangkan dalam masyarakat Malaysia. Terdapat banyak kes ibu bapa ditinggalkan di tempat awam antaranya hentian rehat, surau dan pusat membeli-belah. Kerajaan menu buhkan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai agensi yang memainkan peranan mencapai Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). (Nurul Husna Mahmud, 2024)

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat Wan Noraidah Wan Mohd Zain membincangkan permasalahan isu pengabaian ibu bapa oleh anak-anak. Menurutnya: Ibu bapa yang telah mencapai usia tua dimasukkan ke institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat disebabkan mereka dipinggirkan oleh keluarga sendiri termasuk anak-anak. Hal ini biasanya berpunca daripada hubungan tidak baik atau sejarah zaman muda ibu bapa dengan anak. Berdasarkan Laporan Statistik Sebab-sebab Kemasukan Institusi Warga Emas(dalam tempoh 5 tahun), sebanyak 846 kes adalah membabitkan kes dipinggirkan atau pengabaian keluarga. Antara sebab lain ialah sebatang kara, masalah kesihatan, ketidakupayaan, penjagaan, penderaan (emosi, fizikal dan mental), kemiskinan dan lain-lain. (Nurul Husna Mahmud, 2024). Untuk menangani masalah ibu bapa yang dipinggirkan oleh anak-anak, Jabatan Kebajikan Masyarakat mempunyai 12 institusi warga emas, iaitu 10 buah Rumah Seri Kenangan dan 2 buah Rumah Ehsan. Walaubagaimanapun dua buah Rumah Seri Kenangan kini dalam proses naik taraf. Rumah Seri Kenangan untuk warga emas berupaya menguruskan diri sendiri,

sementara Rumah Ehsan untuk warga emas kategori terlantar. Pada masa ini, jumlah penghuni untuk 10 institusi beroperasi ketika ini seramai 1,253 orang (Nurul Husna Mahmud, 2024).

Setakat hari ini, Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan masih berupaya menampung kes diterima dan memberi perlindungan kepada warga emas yang memerlukan. Sebagai alternatif, terdapat juga warga emas ditempatkan di Pusat Jagaan Warga Emas kendalian NGO mahupun swasta (Nurul Husna Mahmud, 2024).

Keadaan kehidupan masa kini yang dipenuhi kesibukan menyebabkan anak-anak tidak mampu untuk menjaga ibu bapa yang telah lanjut usia. Justeru pihak Jabatan Kebajikan masyarakat melaksanakan pelbagai alternatif bagi membantu golongan ibu bapa yang terabai. Antaranya JKM menyediakan perkhidmatan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) atau Home Help Services kepada warga emas yang tinggal keseorangan di rumah atau ahli keluarga tidak berkemampuan untuk menjaga mereka. Selain itu, perkhidmatan sokongan sosial turut disediakan kepada warga emas. Sukarelawan akan datang ke rumah mengikut keperluan dan persetujuan warga emas bagi membantu mengemas rumah, membeli keperluan dapur, menemani ke bank atau hospital. (Nurul Husna Mahmud, 2024).

Sebenarnya, Islam telah memberi peringatan kepada umatnya agar tidak mengabaikan ibu bapa terutamanya apabila mereka telah sampai kepada umur tua. Perbuatan mengabaikan ibu bapa adalah dosa besar menurut Islam. Sebaliknya, seseorang yang berbuat baik kepada kedua ibu bapanya semasa hidup dan sesudah mereka wafat akan mendapat keberkatan dalam kehidupannya. Hal ini kerana seorang yang direhdai oleh ibu bapanya sudah pasti akan memperolehi keredhaan Allah.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti Keutamaan Ketaatan Kepada Ibu Berbanding Bapa
2. Mengenalpasti Ketaatan Kepada Ibu Bapa Mesti Berlandaskan Ketaatan Kepada Allah SWT
3. Meneliti Hukum Menghormati Ibu Bapa Kafir
4. Meneliti Konsep Syukur Kepada Ibubapa

Ulasan Karya

Keutamaan Ketaatan Kepada Ibu Berbanding Bapa

Walaupun kita dituntut supaya berbuat baik kepada kedua ibubapa, namun terdapat hadis yang melebihikan kedudukan seorang ibu berbanding bapa. Terdapat sebuah hadis:

Abu Hurairah radhiallahu 'anh berkata: Seorang lelaki datang menemui Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan bertanya: "Siapakah manusia yang paling berhak untuk aku layan dengan sebaik-baiknya?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ibu kamu." Dia bertanya lagi: "Kemudian siapa?" Baginda menjawab: "Ayah kamu."

Hadis Riwayat Muslim (no. 2548).

Dengan berbuat baik kepada ibu, seseorang akan mendapat sifat bersopan-santun dan bahagia. (Muhammad Fahmi Rusli. 2019). Firman Allah dalam Surah Maryam: 32

Terjemahan:

Dan berbakti kepada ibuku, dan Dia tidak menjadikan aku seorang yang sompong lagi celaka.

Nabi Isa a;s; berkata: Aku tidak dijadikan sompong, besar diri dan celaka akibat daripada ibadat, taat dan berbakti kepada ibuku. Seterusnya, menurut Sufyan al-Thauri; *al-Jabbar al-Syaqiyu* bermaksud orang yang terbunuh atas kemarahan. Menurut ulama salaf, seseorang yang menderhaka terhadap ibubapanya akan menjadi seorang yang sompong dan celaka (Ibn Kathir, 1998: hal. 2221)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah tidak menjadikan Nabi Isa a.s. sebagai seorang yang keras (sombong dan bongkak) dan juga orang yang menderita. Sebaliknya Nabi Isa a.s. menjadi individu yang bersopan-santun dan bahagia kerana ketaatan kepada ibunya, Maryam. (Muhammad Fahmi Rusli. 2019).

Ketaatan Kepada Ibu Bapa Mesti Berlandaskan Ketaatan Kepada Allah SWT

Seorang anak perlu mentaati kedua ibu bapa kerana perkara itu merupakan *fardu ain* kepada semua anak yang mempunyai ibu bapa yang masih hidup. Firman Allah dalam Surah al-Isra: 23

Terjemahan:

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai kepada usia tua dalam penjagaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengata kepada keduanya perkataan ‘ah’, janganlah kamu membentak mereka, dan ucapan kepada mereka dengan perkataan yang mulia.

Allah SWT hanya mewajibkan seseorang anak itu mentaati ibu bapanya yang bukan beragama Islam selagi mana ketaatan tersebut tidak terkeluar dari perkara *ma’ruf*. Firman Allah dalam Surah Luqman: 15

Dalam masa yang sama, agama yang mereka anuti tidak menjadi penghalang bagi seseorang anak itu untuk terus berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Menurut Ibn Kathir, jika ibu bapa yang bukan beragama Islam menggesa anaknya yang beragama Islam supaya bertukar kepada agama bukan Islam, maka tidak perlu diterima ajakan tersebut. Perkara ini tidaklah menghalang anak itu untuk melayan ibu bapanya secara baik. (Tafsir al-Quran al-Azim 6/30).

Hukum Menghormati Ibu Bapa Kafir

Jika seseorang diuji dengan mempunyai ibu bapa bukan Muslim, dia perlu bersabar dan tetap menghormati keduanya. Selain itu, seseorang perlu berusaha menyampaikan dakwah kepada ibu bapanya dengan cara berhikmah dan berdialog secara damai agar mereka tertarik untuk memeluk Islam.

Dakwah yang disampaikan kepada ibu bapa bukan Muslim perlu dijalankan dengan kaedah yang sistematik. Hal ini merupakan kayu ukur terhadap keberkesanan dakwah yang disampaikan. Firman Allah dalam Surah al-Nahl: 125

Elemen utama yang harus wujud pada metodologi dakwah Islam ialah melalui cara berhikmah dan berdialog. Cara berhikmah bermaksud memberi pelajaran dan nasihat yang baik. Cara berdialog pula bermaksud perbincangan dan perbahasan yang baik (*mujadalah husna*) (Abdul Aziz Mohd. Zin, 2005: 8). Metode *mujadalah husna* sesuai diaplikasikan terhadap kaum golongan bukan Muslim. (Sulaiman Ibrahim, 1998: 5).

Nabi Ibrahim a.s. ditakdirkan mempunyai ayah yang bernama Azar, tetapi ayahnya bukan beragama Islam. Oleh kerana itu, Nabi Ibrahim a.s. berusaha bersungguh-sungguh berdakwah mengajar ayahnya memeluk Islam. Metodologi dakwah Nabi Ibrahim a.s. terhadap ayahnya merupakan perkara yang sukar. Hal ini termasuklah mulakan dakwah dengan kaedah pujukan yang berulang-ulang, penggunaan bahasa yang mudah difahami, perdebatan yang menonjolkan rasa hormat dan alasan yang rasional, sikap tawaduk dan bijaksana dan mendoakan keselamatan kepada ibu bapa bukan Muslim. Walaupun ayah nabi Ibrahim a.s. tidak menerima Islam dan akhirnya mati dalam kekufuran, namun Allah mengangkat darjah nabi Ibrahim a.s. sebagai salah seorang Rasul *Ulul Azmi*. Keperibadian nabi Ibrahim a.s. dalam berdakwah perlu menjadi ikutan kepada setiap muslim (Muhibb Najib Abdul Kadir, 2013: 45).

Konsep Syukur Kepada Ibubapa

Tanggungjawab kepada kedua ibubapa terbahagi kepada dua;

1) Semasa kedua ibubapa masih hidup

a) Berbuat baik kepada ibubapa dan tidak meninggikan suara di hadapan mereka. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT sebagaimana yang telah dinyatakan di atas:

Terjemahan:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya kamu tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang daripada keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah kamu berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah kamu menengking (menyerghah) mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).”

(Surah al-Isra': 23).

b) setiap anak perlu membantu ibubapa dari sudut kemampuan setakat yang mampu. Hal ini berdasarkan sabda Nabi SAW:

Terjemahan:

“Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang adalah berasal daripada usahanya dan sesungguhnya anak seseorang adalah berasal daripada usahanya.”

[Riwayat al-Nasa'ie (4449)]

Di dalam hadith yang lain pula, Nabi SAW bersabda:

Terjemahan:

“Apabila Allah SWT memberikan seseorang kebaikan (kelebihan dari sudut harta) maka mulakanlah dengan dirinya dan juga ahli keluarganya.”

[Riwayat Muslim (1822)]

Imam Ibn al-Munzir telah menyatakan bahawa telah berlaku ijma' di atas kewajipan diambil sebahagian daripada harta atau pendapatan anak untuk dinafkahkan kepada ibubapa yang tidak mempunyai pendapatan atau harta. [Lihat: *al-Mawsu 'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyah*, 74/41]

c) Mentaati ibubapa dan tidak sesekali menderhakai mereka. Adapun berkaitan perintah taat dan tidak sesekali menderhakai ibubapa boleh dilihat pada firman Allah SWT di dalam surah al-Isra': 23

d) Sentiasa berdoa kepada ibubapa. Perkara ini juga jelas berdasarkan sebuah hadith yang sahih daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Terjemahan:

“Apabila matinya seseorang insan itu, maka akan terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh sentiasa mendoakan kedua ibubapanya.” [Riwayat Muslim (1631)]

(Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub, 2019)‘

2) Selepas kematian kedua ibubapa

a) Melunaskan hutang ibubapa yang wajib iaitu hutang dengan Allah SWT seperti puasa, haji, nazar dan sebagainya. Di antara dalilnya adalah, daripada Ibn Abbas R.anhuma:

Terjemahan:

Telah datang kepada Nabi SAW seorang lelaki, lalu berkata: Wahai Rasulullah! Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan ke atasnya puasa Ramadhan (meninggalkan puasa). Adakah aku perlu qadha' puasa bagi pihaknya? Rasulullah SAW bersabda: “Ya, kerana hutang dengan Allah lebih berhak untuk tunaikan.”

[Riwayat al-Bukhari (1953)]

b) Melangsakan hutang-hutang ibubapa yang telah pergi kepada manusia setakat yang mampu.

c) Sentiasa berdoa kepada ibubapa. Hal ini kerana doa seorang anak yang soleh kepada ibubapanya yang telah pergi merupakan amalan yang tidak terputus. Tambahan pula, al-Quran menuntut agar seorang anak itu sentiasa mendoakan kerahmatan dan keampunan buat kedua ibubapanya melalui firman Allah :

Terjemahan:

“Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanmu! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil.”

(al-Isra': 24)

d) Menziarahi sahabat-sahabat kepada kedua ibubapa. Hal ini kerana Islam menganjurkan umatnya untuk menyambung pertalian silaturrahim dengan sesiapa sahaja dan bukan sahaja sesama ahli keluarga sahaja. Hadis daripada Anas bin Malik, bahawa Nabi SAW bersabda:

Terjemahan:

“Barangsiapa yang ingin diluaskan rezekinya serta dipanjangkan usianya, maka hendaklah dia menyambung pertalian silaturrahim.”

[Riwayat al-Bukhari (5986)]

e) Bersedekah untuk ibubapa walaupun selepas ketiadaan mereka. Hal ini juga ada dinyatakan di dalam sebuah hadith. Daripada Ibn Abbas RA bahawa Sa'ad pernah bertanya Rasulullah SAW:

Terjemahan:

“Sesungguhnya ibuku telah meninggal dunia dan belum sempat dia berwasiat. Maka bolehkah aku bersedekah untuknya? Baginda SAW menjawab: Ya.”

[Riwayat al-Nasa'ie (3654)]

f) Tunaikan dan penuhi wasiat ibubapa yang telah pergi dengan baik.
(Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoub @ Ayub, 2019)

Keutamaan Ketaatan Kepada Ibu Berbanding Bapa

Dalam surah Luqman, Allah SWT memberi peringatan supaya anak-anak mengenang pengorbanan ibu yang menghadapi pelbagai cabaran ketika mengandung dan menyusukan anak. Firman Allah SWT dalam ayat 14.

Terjemahan:

Ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah-tambah dan menyusunya dalam masa dua tahun.

Ulama memberikan pelbagai pendapat tentang maksud frasa *lemah yang bertambah-tambah*. Seorang ibu menempuh pelbagai kesukaran sewaktu mengandung anak dalam masa sembilan bulan. Menurut al-Shaukani (1993), perempuan dijadikan dalam bentuk kejadian yang lemah, kemudian ditambah lagi dengan beban kehamilan. Menurut al-Suyuti (1996), frasa tersebut bermaksud lemah semasa mengandung dan kesakitan semasa melahirkan anak. Menurut al-Tantawi (1985), ibu yang mengandung merasa kepenatan yang semakin bertambah setiap hari disebabkan pertambahan berat badan akibat pembesaran janin dalam kandungan.

Frasa seterusnya *dan menyusunya dalam masa dua tahun* membicarakan tentang pengorbanan seorang ibu sewaktu menyusukan anak. Menurut al-Jauzi (1987), seorang ibu dibebani dengan beban penyusuan setelah melahirkan anak. Allah SWT menetapkan jangka masa dua tahun kerana tempoh tersebut merupakan keperluan untuk pembesaran dan pertumbuhan seorang anak dari aspek jasmani.(Muhammad Nur Suwaid, 1998).

Proses penyusuan selama dua tahun juga tercatat dalam Surah al-Baqarah (2: 223). Firman Allah SWT:

Terjemahan:

Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan.

Islam menghargai pengorbanan dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ibu dalam membesar dan mendidik anak-anak. Oleh itu, Islam memberi keutamaan untuk mentaati seorang ibu berbanding bapa kerana beban yang ditanggung oleh ibu adalah lebih besar berbanding bapa. Justeru, seorang anak perlu akur dengan perintah mengutamakan ketaatan kepada ibu berbanding bapa.

Ketaatan Kepada Ibu Bapa Mesti Berlandaskan Ketaatan Kepada Allah SWT

Ketaatan kepada kedua ibu bapa sangat dituntut oleh Islam selagi perkara tersebut tidak bercanggah dengan perintah Allah. Firman Allah dalam ayat 15.

Terjemahan:

Dan jika keduanya memaksa kamu untuk mempersekuat dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuan kamu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya.

Ibu bapa wajib mengajar anak-anaknya melakukan perkara kebaikan dalam hidup. Hal ini selari dengan Hadis Rasulullah SAW yang menyuruh umatnya mentaati perkara kebaikan dan melarang daripada mentaati perkara maksiat.

Terjemahan:

Tidak ada ketaatan dalam perkara maksiat terhadap Allah SWT. Sesungguhnya ketaatan itu hanya dalam perkara kebaikan.

(Sunan Abi Daud, Kitab al-Jihad, Bab Fi al-Taah)

Allah SWT telah menjelaskan tentang pengorbanan seorang ibu dalam Surah Luqman ayat 14. Walaupun jasa yang diberikan oleh seorang ibu kepada anak adalah sangat besar, namun seorang anak hanya boleh mentaati perintah ibunya selama mana perintah tersebut tidak bercanggah dengan perintah Allah. Jika perintah tersebut berlawanan dengan perintah Allah, maka tidak boleh seorang anak mentaatinya. Keengganan seorang anak untuk mentaati ibu bapa dalam perkara yang bertentangan dengan perintah Allah tidak dianggap sebagai dosa atau kesalahan di sisi Allah SWT (al-Suyuti, 1987).

Ayat 15 ini mempunyai sejarah dan sebab penurunan atau *asbab al-Nuzul*. Ayat ini diturunkan untuk membicarakan permasalahan Saad bin Abi Waqas iaitu seorang sahabat Rasulullah SAW yang terkenal. Pada masa beliau mula memeluk Islam, ibunya yang bernama Haminah binti Abi Sufiyan menentang keras tindakan Saad. (Muhammad Mahmud Hijazi, 1992; al-Zuhaili, 1991). Justeru ayat ini diturunkan sama seperti ayat dalam Surah al-Ankabut (29:8). Firman Allah SWT:

Terjemahan:

Dan Kami mewajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Dan jika keduanya memaksa kamu untuk mempersekuatkan Aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuan kamu tentang itu, maka janganlah kamu mengikuti keduanya. Hanya kepada Akulah kembalinya kamu, Aku akan khabarkan kepada kamu tentang apa yang telah kamu kerjakan.

Saad bin Abi Waqas berkata : Ayat tersebut diturunkan untuk aku. Aku sangat mencintai dan berbakti kepada ibuku. Ketika aku memeluk Islam, ibuku menegur: Hai Saad! Apa yang terjadi kepada diri kamu? Kamu mesti keluar daripada agama baru ini. Jika tidak, ibu akan mogok, iaitu tidak makan dan minum sehingga berakhir dengan kematian. Biarlah kamu dicemuh orang sebagai anak yang menderhakai dan menyakiti hati ibunya sendiri. Biarlah orang memanggil kamu dengan panggilan. Hai si pembunuhan ibunya!(al-Suyuti, 1987).

Segera aku menjawab kepada ibu dengan berkata: Wahai ibu! Jangan lakukan perbuatan tersebut. Sia-sia sahaja semua ancaman tersebut. Aku tidak akan meninggalkan agama yang benar ini walau apa yang terjadi... Selama sehari semalam aku tinggal bersama ibuku. Ternyata ibuku benar-benar membuktikan kata-katanya kepadaku.

Keadaan semakin genting apabila ibuku masih bertegas dengan pendiriannya. Lalu aku mempertahankan keyakinan aku terhadap Islam dengan berkata kepada ibuku: Ketahuilah wahai ibu. Demi Allah! Jika ibu mempunyai seratus nyawa, lalu nyawa tersebut keluar satu persatu dari tubuh ibu, nescaya aku tidak akan meninggalkan agama ini walau apa yang terjadi. Aku tidak akan peduli segala ancaman daripada ibu. Apabila ibuku melihat ketegasan sikapku, barulah ibuku mahu makan. Lalu Allah menurunkan ayat ini (al-Suyuti, 1987). Sikap sebegini patut dicontohi oleh semua orang Islam.

Allah SWT memerintahkan setiap manusia melakukan ketaatan kepada ibu bapanya dalam perkara kebijakan (Tantawi, 1985). Sebaliknya, anak-anak tidak boleh mentaati ibu bapanya dalam perkara kemungkaran terutamanya amalan menyekutukan Allah. Hal ini kerana sikap seorang manusia yang boleh menerima kekufuran dan maksiat adalah manusia yang kufur dan ingkar perintah Allah (Abu Syakir, 1996).

Islam melarang anak mentaati ibu bapa dalam perkara yang bertentangan dengan perintah Allah walaupun perkara tersebut telah menjadi rutin hidup ibu bapa. Hal ini berlaku kepada Nabi Ibrahim a.s. Bapa baginda bekerja sebagai tukang membuat berhala yang disembah oleh kaumnya. Al-Quran mencatatkan kisah tersebut dalam Surah al-Anbiya' (21: 52-54)

Terjemahan:

Ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: Patung-patung apakah yang kamu tekun beribadat kepadanya? Mereka menjawab: Kami mendapati bapa-bapa kami menyembahnya. Ibrahim berkata: Sesungguhnya kamu dan bapa-bapa kamu berada dalam kesesatan yang nyata.

Pengorbanan ibu bapa amat besar terhadap anak-anak. Hal ini sehingga Allah menggabungkan ayat tentang perintah menghormati ibu bapa dengan larangan mensyirikkan Allah. Namun jika ibu bapa menyuruh anaknya melakukan perbuatan yang menyalahi syariat dan bertentangan dengan ajaran Rasul, maka anak tersebut tidak boleh mentaati perintah ibu bapanya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah (5: 104)

Terjemahan:

Apabila dikatakan kepada mereka : Marilah mengikuti apa yang diturunkan Allah dan mengikuti para rasul. Mereka menjawab: Cukuplah untuk kami apa yang kami dapatti bapa-bapa kami mengerjakannya.

Perbuatan mentaati dan meneruskan amalan ibu bapa yang kufur kepada Allah SWT merupakan satu kesalahan yang amat berat dalam Islam. Oleh itu, segala bentuk perbuatan dan amalan ibu bapa yang termasuk dalam kategori syirik kepada Allah SWT harus ditinggalkan oleh setiap anak yang menganut Islam. Islam tidak pernah bertolak-ansur dalam perkara syirik yang merosakkan akidah manusia.

Hukum Menghormati Ibu Bapa Kafir

Surah Luqman turut memberikan tumpuan terhadap tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa kafir. Antaranya termasuklah menunjukkan sikap hormat, bergaul mesra, menjalinkan silaturrahim dan menafkahkan sebahagian rezeki kepada mereka. Firman Allah dalam ayat 15:

Terjemahan:

Pergaulilah keduanya di dunia dengan baik.

Perkataan *pergaulilah* bermaksud perintah berbuat baik dan mengekalkan silaturrahim (al-Jalalain, 1996). Luqman al-Hakim juga melaksanakan perintah Allah SWT menurut ayat ini dalam mendidik anaknya. Menurut al-Shaukani (1993), isteri dan anak Luqman pada asalnya merupakan orang yang tidak beriman. Luqman tidak pernah berputus asa menyeru isteri dan anaknya agar menganut Islam. Akhirnya Luqman berjaya membawa mereka kepada Islam. Setelah itu, Luqman sentiasa mengawasi mereka agar tidak terpesong ke jalan yang salah.

Imam al-Jauzi menerangkan maksud *berhubunglah dengan keduanya* ialah menjalinkan silaturrahim dengan ibubapa yang kafir. Perkataan 'makruf' dalam ayat tersebut bermaksud memperelokkan hubungan dari aspek amalan kebaikan kepada ibubapa. (al-Jauzi, 1987). Setiap orang Islam diperintahkan bergaul secara bersopan dengan ibubapa kafir. Cuma, mereka diberi peringatan agar tidak taat kepada ibubapa dalam melakukan perbuatan syirik kepada Allah SWT (Abu Syakir, 1996). Hal ini kerana kesalahan syirik merupakan satu dosa besar yang tidak diampunkan oleh Allah SWT. Firman Allah dalam Surah al-Nisa (4: 48)

Terjemahan:

Sesungguhnya Allah tidak mengampuni dosa syirik. Dan Allah mengampuni segala dosa selain syirik...

Kewajipan kepada ibu bapa mesti ditunaikan walaupun berlainan agama. Asma' binti Abu Bakar berkata: Ibuku datang ke rumah sedangkan dia seorang kafir. Lalu aku menemui Rasulullah SAW untuk bertanya tentang ibuku. Aku berkata: Ya Rasulullah. Ibuku yang kafir datang ke rumahku memohon pertolonganku kerana aku adalah anaknya. Adakah aku patut menerima dan melayan permohonan ibuku? Rasulullah SAW bersabda: Peliharalah hubungan baik dengan ibumu (Tantawi, 1985). Lalu Allah menurunkan ayat al-Quran dalam Surah al-Mumtahanah (60:8):

Terjemahan:

Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama dan tidak pula mengusir kamu dari negeri kamu...

Tanggungjawab seorang anak terhadap ibubapa kafir tidak boleh dipandang ringan atau diabaikan. Seorang anak sepatutnya memberi perbelanjaan berbentuk harta kepada ibubapa kafir jika mereka merupakan golongan miskin. Selain itu, seorang anak perlu bercakap dengan

lemah lembut dengan ibubapa kafir. Seterusnya, seorang anak perlu sentiasa berdoa agar ibubapa yang kafir terbuka hati untuk memeluk Islam (Abdul Mun'ain, 1995). Hal ini kerana seorang anak tidak boleh melupakan jasa serta pengorbanan ibubapa walaupun mereka adalah kafir. Allah SWT tidak melarang berbuat baik kepada ibubapa kafir yang menghormati kehidupan yang harmoni.

Konsep Syukur Kepada Ibubapa

Bersyukur kepada ibubapa iaitu melahirkan rasa berterima kasih atas segala bakti yang dicurahkan oleh keduanya. Konsep ini difokuskan secara beriringan dengan konsep bersyukur kepada Allah. Firman Allah SWT ayat 14:

Terjemahan:

Bersyukurlah kepada Aku dan kedua ibubapa kamu. Dan (ingatlah) kepada Akulah tempat kembali (untuk menerima balasan).

Dalam ayat ini, dua konsep syukur digandingkan iaitu syukur kepada Allah dan kedua ibubapa. Hal ini menggambarkan bahawa menunaikan tanggungjawab kepada ibubapa merupakan satu perkara besar di sisi Allah. Syukur kepada Allah kerana Allah merupakan pemberi segala nikmat. Syukur kepada ibubapa kerana mereka merupakan sebab kelahiran seorang anak dan mereka memberikan pendidikan sempurna kepada seorang anak (al-Zuhaili, 2002). Allah SWT akan menambahkan nikmat kepada orang yang bersyukur. Firman Allah dalam Surah Ibrahim (14:7)

Terjemahan:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah nikmatKu kepada kamu. Demi sesungguhnya! Jika kamu kufur dan ingkar, sesungguhnya azabKu amatlah keras.

Ulama tafsir juga berselisih pendapat tentang konsep syukur kepada Allah dan konsep syukur kepada ibubapa. Syukur kepada Allah berlaku kerana diberikan hikmah yang mencakupi pelbagai cara samada melalui ilham, wahyu atau pembelajaran (Abd al-Mun'im, 1990). Hakikat syukur yang dikehendaki oleh Allah SWT iaitu apabila manusia dapat merasakan kehinaan diri sendiri dan kebesaran Allah SWT. (al-Darini, t.thn.). Pada masa itu, akan lahirlah rasa kesyukuran dari seorang hamba yang lemah kepada Tuhanya. Allah SWT telah mewahyukan kepada sebahagian para nabi:

Janganlah kamu melihat kepada sedikitnya pemberian, tetapi lihatkan kepada agungnya Zat yang memberi. Janganlah kamu melihat kepada kecilnya dosa, tetapi lihatlah kepada besarnya Zat Tuhan yang kamu akan berhadapan dengan membawa dosa tersebut (al-Darini, t.thn.).

Konsep syukur kepada ibubapa pula bermaksud tanggungjawab besar yang dipikul oleh seorang anak dalam berbakti kepada kedua ibubapa (al-Shaukani, 1993). Hal ini mencakupi penjagaan kepada ibubapa yang sakit dan lanjut usia, menghiburkan hati ibubapa, bergaul dengan penuh kemesraan dengan ibubapa, memberi nafkah bagi menampung keperluan ibubapa. Hal ini merupakan ciri-ciri seorang anak yang bersyukur kepada ibubapa.

Dalam ayat 14, Allah SWT menggandingkan kedua-dua konsep syukur. Hal ini kerana Allah ingin memuliakan Luqman apabila beliau melarang anaknya melakukan syirik kepada Allah. Justeru Allah memerintahkan manusia agar berbuat baik kepada ibubapa (al-Sayyas, 1994).

Terdapat tiga ayat yang diturunkan oleh Allah SWT yang mempunyai ikatan yang tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Allah SWT tidak menerima amalan tersebut sekiranya tidak dilaksanakan secara serentak.

Pertama iaitu hendaklah menunaikan solat dan zakat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah (2:43):

Terjemahan:

Dirikan solat dan tunaikean zakat.

Sesiapa yang menunaikan solat tetapi tidak mengeluarkan zakat, maka solatnya tidak diterima oleh Allah SWT. Kedua ialah taat kepada Allah SWT digandingkan dengan taat kepada Rasulullah SAW. Firman Allah dalam Surah Ali Imran (3:132):

Terjemahan:

Taatlah kamu kepada Allah dan Rasulnya.

Sesiapa yang mentaati Allah SWT tetapi tidak mentaati Rasulullah SAW, maka ketaatan tersebut adalah ditolak disisi Allah SWT. Ketiga ialah bersyukur kepada Allah digandingkan dengan bersyukur kepada kedua ibubapa. Firman Allah dalam ayat 14 Surah Luqman:

Terjemahan:

Bersyukurlah kamu kepadaKu dan kepada kedua ibubapa

Justeru sesiapa yang bersyukur kepada Allah, tetapi tidak bersyukur kepada kedua ibubapa maka syukur tersebut tidak diterima (al-Ghazali, 1968). Islam menggalakkan setiap anak agar memberi layanan baik kepada ibubapa terutamanya apabila keduanya telah lanjut usia.

Hal ini kerana seorang anak tidak boleh melupakan jasa serta pengorbanan ibubapa walaupun mereka adalah kafir. Allah SWT tidak melarang berbuat baik kepada ibubapa kafir yang menghormati kehidupan yang harmoni.

Kesimpulan

Islam menuntut semua penganutnya melaksanakan tanggungjawab kepada ibu bapa walau apa agama yang dianuti oleh ibu bapa. Keredaan Allah akan diperolehi apabila mendapat keredaan ibu bapa. Sebaliknya, kemarahan ibu bapa merupakan punca kemarahan Allah SWT . Derhaka kepada kedua ibu bapa termasuk dalam dosa besar.

Allah memerintahkan agar seseorang anak mentaati ibunya berbanding bapa kerana beban yang ditanggung oleh ibu adalah lebih besar berbanding bapa. Justeru, seorang anak perlu akur dengan perintah mengutamakan ketaatan kepada ibu berbanding bapa.Seterusnya Allah memerintahkan setiap manusia melakukan ketaatan kepada ibu bapanya dalam perkara kebijakan. Sebaliknya, seseorang tidak boleh mentaati ibu bapanya dalam perkara kemungkaran terutamanya amalan menyekutukan Allah. Konsep syukur kepada ibu bapa pula bermaksud tanggungjawab besar yang dipikul oleh seorang anak dalam berbakti kepada kedua ibubapa. Seorang anak memikul tugas menjaga ibubapa yang sakit dan lanjut usia, menghiburkan hati ibubapa, bergaul dengan penuh kemesraan dengan ibubapa, memberi nafkah bagi menampung keperluan ibubapa.

Bibliografi

- Abd al-Mun'aim Ahmad Tuailab. 1995. *Fath al-Rahman fi tafsir al-Quran*. T.tpt: Dar al-Islami Abu Syakir. 1996. *Peranan Anak Terhadap Ibu Bapa*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa Al-Darini, Abd al-Aziz. t.thn. *Kitab Taharah al-Qulub wa al-Khudu'li alam al-ghuyub*. T.tp. Al-Ghazali, Abi Hamid bin Muhammad . 1968. *Ihya Ulum al-Din*. Jilid 3. Mesir: Maktabah Wa Matba'ah Muhammad Ali Sabih wa Auladuhu
- Al-Jauzi, Abi al-Firaj Jamal al-Din Abd al-Rahman bin Ali bin Muhammad.1987. *Zad al-Masir fi ilm al-Tafsir*. Beirut: Maktabah al-Islami.
- Muhammad Mahmud Hijazi. 1992. *Al-Tafsir al-Wadih*. Kaherah: Dar al-Tafsir Littibaah Wa al-Nashr
- Muhammad Nur Abd al-Hafiz Suwaid. 1998. *Manhaj al-Tarbiyyah al-Nabawiyyah li al-Tifl*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Saiyyas, Muhammad Ali. 1994.*Tafsir Ayat al-Ahkam*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al-Samarqandi, Nasir bin Muhammad bin Ibrahim.1990. *Tanbih al-Ghafilin*. Jil.1. Jeddah: Dar al-Syuruk
- Al-Shaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. 1993. *Fath al-Qadir al-Jami 'baina fanni al-Riwayah wa al-Dirayah min ilm al-Tafsir*. Kaherah: Dar al-Haramain.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Abdul Rahman bin Abu Bakr. 1987. *Al-Dzar al- Manzur Fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyah
- Al-Suyuti, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli dan Jamal al-Din Abd al-Rahman bin Abi Bakr. 1996. *Tafsir Imam al-Jalalain*. Kaherah: Dar al-Hadis
- Al-Tantawi, Muhammad Sayyid. 1985. *Al-Tafsir al-Wasid li al-Quran al-Karim*. Mesir: Dar al-Maarif.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1991. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shariah wa al-Manhaj*. Lebanon: Dar al-Fikr al-Muasir.
- Abdul Aziz Mohd. Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Sulaiman Ibrahim. 1998. ‘Metodologi Dakwah Terhadap Non-Muslim dalam al-Quran al-Karim: sorotan Terhadap Manhaj Diskusi Dakwah Para Nabi a.s.’ dalam *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Selangor: Percetakan Asni Sdn. Bhd.
- Muhd Najib Abdul Kadir. 2013. ‘Metodologi Dakwah Kepada Ibu Bapa Bukan Muslim Berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim’ dalam *Islamiayyat* Vol. 35 (2): hal. 57-66
- Ibnu Kathir. *Tafsir al-Quran al-Azim*. 6/30
- Muhammad Fahmi Rusli. 2019. ‘Mengapakah Didahulukan Berbuat Baik Kepada Ibu Sebanyak Tiga Kali?’ *al-Kafi lil Fatawi*. No. 1203
- Muhammad Mushfique Bin Ahmad Ayoup @ Ayub. ‘Irsyad al-hadith siri ke-356: Tanggungjawab Anak terhadap Ibubapa.’. 20 Mac 2019. Jumlah paparan: 289315
- Nurul Husna Mahmud. 2024, 7 Januari. ‘Lindungi Warga Emas Yang dipinggir Keluarga’. *Metro*
- Ibn Kathir. 1998. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Juzu'5. Beirut: Dar Ibn Hazm